

TEORI DEFINISI DAN APLIKASINYA DALAM TERMINOLOGI BAHASA MELAYU

Puteri Roslina Abdul Wahid

Abstrak

Makalah ini membicarakan persoalan teori definisi dan hubungannya dengan penyediaan definisi dalam terminologi bahasa Melayu. Penulis menghuraikan sejarah perkembangan teori definisi, kaedah definisi, jenis definisi, kekaburan definisi, dan hubungan teori definisi dengan teori konsep dalam terminologi bahasa Melayu.

Abstract

This article discusses the definition theory and it's relation to the definition in Malay terminological work. The writer also observed the historical development of the theory of definition, methods of definition, types of definition, and the relation between theory of definition and theory of concept in Malay terminology.

PENDAHULUAN

Definisi terminologikal ialah deskripsi ringkas dan padat ciri-ciri yang membezakan satu konsep dengan yang lain, yang dipersembahkan secara leksikografikal atau dalam format bentuk kamus. Tujuannya adalah untuk memberikan pemahaman tentang apa-apa yang diberikan oleh sesuatu konsep, khusus kepada bidang tertentu, dan menentukan konsep itu didefinisikan dalam sistem konsep. Definisi seharusnya menghuraikan konsep (memberikan makna kepada istilah) dan bukan membicarakan persoalan penggunaan istilah atau menghuraikan kata dalam istilah (Sager, 2000:12). Oleh itu, fungsinya berbeza dengan pemerhatian linguistik yang mengatakan bahawa istilah digunakan dalam subjek x untuk menamakan konsep y.

Definisi terminologikal merupakan aplikasi penting dalam prinsip konsep tunggal, dan merupakan kaedah yang paling baik untuk menjelaskan padanan tekstual. Perumusan definisi berbeza mengikut bidang. Misalnya dalam bidang saintifik dan teknikal, terminologi asas disahkan melalui penggunaan definisi yang dinyatakan daripada sumber autoritatif manakala terminologi baharu dalam bidang tersebut biasanya memerlukan perumusan definisi berdasarkan unsur tekstual yang mengenal pasti ciri-ciri penting konsep yang ditemui sewaktu penyelidikan berlangsung. Ini merupakan salah satu sebab definisi bagi sesuatu konsep dalam perkamusan saintifik dan teknikal mempunyai persamaan yang agak hampir.

Sebaliknya dalam bidang sosial, ekonomi, dan perundangan, definisi bagi sesuatu konsep berbeza-beza bergantung pada konteks sejarah, budaya, dan perundangan sesuatu institusi atau negara konsep tersebut diiktiraf (Rey,1996:99). Oleh itu, definisi terminologikal merupakan pernyataan ringkas yang memberikan pemahaman yang jelas untuk memahami makna sesuatu istilah. Pada umumnya bermula dengan kata kunci untuk mengenal pasti kelas yang lebih luas, seperti istilah superordinat dalam hubungan hierarki konsep dan mengatakan fitur yang penting serta membuang fitur yang jelas memisahkan konsep dengan konsep yang berhubungan dengannya dalam satu kelas yang sama. Fitur yang dibuang mungkin sahaja merupakan ciri intrinsik seperti keadaan semula jadi konsep, iaitu bahan atau tajuk yang berkaitan, atau ciri ekstrinsik seperti fungsi atau cara operasi, asal-susul, destinasi atau referen.

TEORI DEFINISI

Ahli falsafah Yunani, khususnya Plato dan Aristotle memperkenalkan teori definisi sebenar (*real definition*). Bagi kedua-duanya, definisi merupakan sesuatu yang ditemui dalam dunia metafizikal yang sebenar. Kata mempunyai makna yang benar atau tepat yang boleh ditemukan. Aristotle mengatakan bahawa definisi merupakan ekspresi yang menandakan inti pati sesuatu perkara. Ekspresi ini ditafsirkan sebagai konsep. Tugasnya adalah untuk menjelaskan kata yang disahkan secara umum di samping memanasifestasikan perkara tertentu secara spesifik dari segi persepsi pengguna. Aristotle mengkhususkan bentuk ini kepada definisi yang dikatakan mengandungi konsep generik dan perbezaan-perbezaannya.¹ Konsep genus-spesies memainkan peranan penting dalam teori definisi.

1 Juan C. Sager, 2000. *Essays On Definition*. Philadelphia: John Benjamins Pub. Co.

Konsep generik ini menunjukkan inti pati yang perlu disubordinat bagi mengenal pasti sifat semula jadi. Pertambahan perbezaan merupakan petunjuk kepada jenis khusus yang dimanifestasikan oleh inti pati itu sendiri. Makna merupakan pertimbangan yang utama dan penting dalam leksikografi. Pembaca akan menggunakan kamus untuk tujuan asasnya mengetahui makna satu unit leksikal. Keseluruhan kerja leksikografi diorientasikan ke arah menyediakan makna kepada unit leksikal sejasal mungkin dan jauh daripada ketaksaan.

Dalam falsafah moden, teori definisi dikenali sebagai teori klasikal (*classical theory*) yang berpandangan bahawa dalam memberikan definisi, bukan lagi menjadi satu kebiasaan untuk mengenal pasti inti pati dan genus. Oleh itu, ahli falsafah logik moden mendapati agak sukar untuk memberikan definisi tugas mengenal pasti inti pati sesuatu perkara berdasarkan genus dan perbezaan. Pendekatan ini amat jelas dalam sistem Aristotle tetapi tidak begitu memberikan kefahaman kepada logik moden yang tidak memberikan andaian sesuatu metafizik. Namun demikian, secara umumnya definisi mengandungi spesifikasi proksimus genus dan spesifikasi perbezaan. Terdapat dua pegangan utama teori klasikal definisi, iaitu (1) bahawa definisi intensional yang “jelas” mengatakan dalam *definiens* syarat-syarat yang mencukupi dan butiran yang perlu bagi aplikasi definiendum (2) bahawa terdapat definisi intensional bagi setiap kelas istilah (misalnya kuda, rumah, alat muzik, manusia terpelajar dan sebagainya).

Uceberg (1882)² yang pandangannya agak mirip kepada Aristotle mengatakan bahawa definisi ialah ekspresi inti pati objek konsep yang memberikan unsur yang diperlukan dalam kandungan, dan unsur ciri objek konsep. Unsur ini merupakan sebahagian daripada definisi yang berkongsi konsep koordinat, superordinat, dan sebahagian daripada perbezaan yang terdapat dalam konsep. Kontras antara genus dengan spesies juga memberikan designasi umum tentang kontras kelas tinggi dan kontras kelas rendah selagi yang terkemudian itu merupakan subordinat kepada yang terdahulu. Unsur yang diperlukan dalam kandungan definisi sesuatu konsep boleh dibahagikan kepada generik dan spesifik. Inilah sebab utama keperluan definisi harus mengandungi konsep superordinat atau konsep genus dan perbezaan spesifik atau ciri distingtif spesies. Sebuah ayat menjadi tidak bermakna sekiranya tidak diketahui ciri-ciri yang diperlukan. Uceberg mengatakan ciri yang diperlukan (*dipanggil essentialia*) merupakan unsur

2 Juan C. Sager, 2000. *Essays On Definition*. Philadelphia: John Benjamins Pub. Co. hlm. 198.

yang mengandung ciri umum dan kewujudan objek bergantung pada nilai dan makna yang dimilikinya, yang merupakan satu kaedah untuk menguraikan objek. Keterangan ini amat sesuai dalam konteks metafizik atau epistemologi.

Sigwart (1873) pula mengatakan definisi merupakan satu pemutusan apabila makna kata diberikan kepada sesuatu konsep. Spesifikasi genus dan juga perbezaan-perbezaannya mempunyai tugas meletakkan konsep pada tempat yang sepatutnya berasaskan kedudukan sistem konsep. Maka jelaslah yang ditegaskan oleh Sigwart ialah komunikasi atau penyampaian pemikiran perlu dilakukan melalui bahasa.

Teori definisi Lotze (1874) pula mengatakan bahawa definisi sebenarnya bebas daripada pratanggap epistemologi. Beliau menamakan definisi sebagai deskripsi metodologi yang memerlukan pembatasan konsep generik, dan bersifat arbitrari. Sekiranya tidak diaplikasikan banyak konsep umum, definisi gagal dibentuk. Sebaliknya dengan pemilihan konsep umum secara arbitrari, definisi memerlukan seseorang itu bermula daripada konsep umum yang secara linguistiknya telah mempunyai nama. Bagi Lotze, konsep generik tidak semestinya tidak boleh dipisahkan tetapi diperlukan bagi ketepatan dan kepersisian definisi. Daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa teori definisi memperlihatkan perbezaan dari segi kedudukan genus dan perbezaan. Terdapat lebih banyak lagi pandangan yang berbeza lagi apabila diperkatakan tentang definisi nominal dan definisi sebenar.

Dalam terminologi pula, pendekatan definisi yang berasaskan sistem konsep ini paling banyak digunakan, khususnya dalam penyediaan glosari terminologi bidang khusus. Perbuatan memberikan definisi merupakan proses mental tentang pembentukan proses. Definisi memberikan maklumat tentang asal usul yang hampir dengan bahasa. Dalam penentuan konsep, sistem konsep perlulah dibentuk supaya dapat membina sistem pemikiran. Definisi merupakan alat untuk membentuk komponen yang membina sistem saintifik. Konsep wujud mendahului istilah. Istilah dibentuk kemudiannya bagi menggambarkan konsep tersebut. Justeru, sebarang kerja peristilahan haruslah didasarkan kepada konsep. Katakanlah anda melihat sesuatu objek yang mempunyai bentuk empat segi, berwarna merah, dan bertutup rapat. Ciri-ciri yang diberikan merupakan gambaran fikiran anda tentang objek tersebut. Setelah jelas konsep objek tersebut dalam fikiran anda, barulah anda menamakan objek tersebut. Proses penamaan konsep itulah merupakan penggubalan istilah.

Menurut Sager (1995:22), teori konsep bagi terminologi sebenarnya hanyalah menyediakan huraian yang cukup bagi motivasi kognitif dalam

pembentukan istilah dan menyediakan asas bagi penyusunan kosa kata dalam cara yang lebih berkesan menurut urutan abjad. Konsep perlu diletakkan dalam struktur ilmu yang mempunyai batasan dan rangkuman tertentu, yang perlu dinamakan supaya dapat dirujuk dengan jelas, dan perlu juga ditakrifkan sebagai usaha penjelasan, pengesahan atau penentuan sesuatu butir ilmu. Definisi memainkan peranan yang penting dalam membantu kerja terminologi dan penyediaan glosari terminologi dalam bidang khusus. Terdapat pelbagai kaedah definisi yang dapat digunakan dalam merangka kerja terminologi yang lengkap.

Kaedah Definisi

Definisi memberikan makna kepada kata atau istilah. Definisi merupakan kenyataan yang memberikan ciri-ciri yang diperlukan bagi sesuatu perkara atau benda atau kenyataan yang menyatakan persamaan antara istilah dengan makna istilah. Kaedah yang paling umum untuk menghindarkan atau menghilangkan perbezaan dalam penggunaan bahasa adalah dengan persetujuan terhadap definisi yang digunakan. Oleh sebab makna kata atau frasa agak eksplisit dalam menentukan konteks dan digunakan untuk mendapat tujuan yang berbeza, maka lahirlah bentuk definisi yang berbeza.

i. Definisi berdasarkan perbezaan genus dan spesies

Kaedah ini menentukan konsep superordinat (konsep yang menduduki aras atas atau lebih tinggi), kemudian menjelaskan ciri-ciri yang membezakan konsep dengan yang lain dalam sistem konsep yang sama. Konsep *alat* sebagai genus manakala jenis-jenisnya merupakan spesies dengan memiliki satu ciri pembeza, misalnya asal usul atau fungsi. Dalam hal ini definisi alat tenun merupakan definisi umum manakala definisi *pepent* dikhususkan kepada ciri ekstrinsiknya, iaitu asal usulnya, yakni alat tenun yang digunakan oleh kaum Iranun. Di Kelantan dan Terengganu pula, alat tenun tradisional dikenali sebagai *kek*.

Contoh:

alat³

Barang apa yang diperlukan untuk membuat (mengerjakan) sesuatu

3 *Kamus Dewan*, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 22.

kek⁴

II. alat menenun kain

pepent (Sbh)⁵

Alat tenun Iranun daripada buluh sumbling kecil yang berfungsi menutup gigi lungsin apabila menenun.

Kata atau konsep menentukan satu spesies, yakni satu jenis item yang khusus. Perbezaan antara satu spesies dengan spesies yang lain ialah ciri tertentu yang tidak dimiliki oleh spesies yang lain. Genus merupakan kategori yang lebih luas, spesies merupakan satu jenis dalam kategori tersebut, dan perbezaan merupakan ciri penentu bagi spesies. Kaedah ini banyak digunakan dalam mengkategorikan perbezaan tumbuh-tumbuhan dan binatang ke dalam kategori biologikal.

ii. Definisi berdasarkan partitif

Kaedah ini menghuraikan keseluruhan melalui bahagian-bahagiannya atau menghuraikan sebahagian dalam hubungan keseluruhan. Kaedah ini bermula dengan perumusan yang menjelaskan hubungan partitif, seperti bahagian daripada, komponen daripada, sebahagian daripada, unsur yang terdiri daripada, dan sebagainya, diikuti oleh konsep superordinat.

Contoh:

kek⁶

Alat menenun kain yang terdiri daripada **kepala kek, badan kek, dan hujung kek.**

badan kek

Bahagian kek yang terdiri daripada **alang badan kek, belira besar, karat dan jentera.**

alang badan kek

Bahagian kek yang berupa kayu melintang di bahagian **badan kek** untuk

4 *Kamus Dewan*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka hlm. 512.

5 *Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Tenun*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 42.

6 Istilah-istilah dipetik daripada *Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Tenun*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

menggantung tali gantung karat dan tali gantung jentera.

belira besar

Bahagian **badan kek** yang berupa kayu panjang nipis yang digunakan untuk membilang gigi belalang, mengangkat benang butang dan menguak benang lungsin supaya tegang dan menjadi laluan torak atau cuban.

karat

Bahagian **badan kek** yang terdiri daripada benang asing dan dua pasang geligin yang berfungsi untuk menurun dan menaikkan benang lungsin.

Definisi di atas memperlihatkan *alang badan kek*, *belira besar*, dan *karat* sebagai bahagian daripada badan kek, iaitu alat tenun tradisional di Kelantan dan Terengganu. Pengkhususan kepada badan kek memperlihatkan bahawa kek tersebut dibahagikan kepada beberapa bahagian lain, iaitu kepala kek dan hujung kek. Setiap istilah akan didefinisikan berdasarkan kedudukannya pada bahagian-bahagian yang menjadi keseluruhan sebuah kek.

iii. Definisi menggunakan sinonim

Kaedah ini mendefinisikan konsep dengan menggunakan istilah yang sama makna tetapi lebih hampir kepada sasaran khalayak atau merujuk kepada sinonim yang ada. Dalam terminologi bahasa Melayu, kedudukan sinonim ditandai dengan tanda garis miring (/) dan dalam penyediaan definisi dinyatakan dengan tanda *lih.* (lihat). Penggunaan sinonim ini membantu mengurangkan pertikaian konsep kerana konsep yang sama akan menggunakan lambang yang berbeza. Sinonim bukanlah sesuatu yang digalakkan bagi kerja terminologi peringkat antarabangsa tetapi terdapat kekecualian dalam terminologi bahasa Melayu.

Contoh:

benang angkat butang⁷

lih. butang

benang butang

lih. butang

iv. Definisi berdasarkan huraian

7 Istilah-istilah dipetik daripada *Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Tenun*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kaedah ini menyenaraikan ciri-ciri konsep (keadaan semula jadi, bahan, tujuan, kaedah, sebab, akibat, masa, ruang dan sebagainya). Dalam kaedah ini, penyedia definisi akan menggunakan ciri-ciri penting, sama ada intrinsik atau ekstrinsik bagi memastikan definisi yang dihasilkan mendukung konsep yang tepat dalam sesuatu bidang. Ciri intrinsik berhubung dengan bentuk semula jadi, ukuran, kandungan, warna dan sebagainya. Ekstrinsiknya melibatkan fungsi, kegunaannya, dan asal usul yang berkait dengan kesemua konsep.

Contoh:

torak⁸

Alat seperti tabung yang diperbuat daripada kayu, plastik atau buluh berukuran meter panjang untuk menempatkan peleting yang berisi benang pakan. Fungsinya adalah untuk melancarkan peleting semasa menyauk. Di Sabah, ia dikenali sebagai tulak.

benang tenun

Bahan tenun daripada kapas, sutera, emas, perak dan lain-lain yang ditenun menjadi kain.

v. Definisi gabungan sinonim dan huraian

Kaedah ini mengatakan kewujudan sinonim dan menghuraikan kegunaan, tujuan, semula jadi dan sebagainya. Penggunaan sinonim dalam terminologi bahasa Melayu tidak dapat dielakkan kerana bahasa Melayu mempunyai khazanah perbendaharaan kata yang begitu besar dalam bidang tertentu, misalnya budaya tempatan yang bukan sahaja merangkumi penduduk di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Tambahan pula terdapat konsep tertentu yang sama digunakan dalam bidang khusus tetapi menggunakan lambang (istilah) yang berbeza. Hal ini dapat dilihat dalam definisi di bawah yang memperlihatkan kewujudan sinonim bagi penyampakan dan terai, dan huraian bagi konsep asasnya tetap diberikan.

Contoh:

penyampakan

Proses memasukkan benang lungsin ke dalam gigi jentera dengan menggunakan jarum colek. **menyampak, menyampok.**

8 Istilah-istilah dipetik daripada *Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Tenun*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

terai

Proses meleraikan benang tongkol dan menggulungkannya ke peleting menggunakan rahat-ruing. **menerai, merahat.**

vi. Definisi Operasional

Kaedah ini menghuraikan bagaimana operasi sesuatu itu bergerak dan berulang-ulang. Kaedah ini berguna bagi mendefinisikan proses, kaedah, dan mekanisme mesin tentang cara ia digunakan beroperasi dan berfungsi. Definisi di bawah memperlihatkan satu huraian tentang proses yang berlaku dalam menghubungkan benang lungsin atau benang pakan untuk menjelaskan operasi tenun berlangsung.

Contoh:

penghubung

Proses menyambungkan benang lungsin atau benang pakan yang putus sebelum atau semasa ditenun atau menyambungkan benang lungsin baharu pada baki benang lungsin yang sudah ditenun untuk mengelakkan pengulangan proses kerja awal menenun seperti menyampak dan mengarat untuk meneruskan helaian yang lain.

menyongket

Proses menyisipkan lidi songket pada benang lungsin untuk membentuk corak yang akan ditenun dengan benang emas. Proses ini hanya dilakukan untuk tenunan songket. **menyongkit. songket. sungkit.**

vii. Definisi melalui demonstrasi

Kaedah ini memberikan referen visual seperti lukisan, ilustrasi, video dan sebagainya. Kebiasaannya dilampirkan ilustrasi dalam glosari yang dihasilkan. Dalam penyediaan definisi budaya Malaysia, bentuk ini banyak digunakan untuk membantu pemahaman pengguna tentang proses dan teknik yang digunakan. Ilustrasi dimasukkan bersama-sama huraian supaya pengguna akan lebih memahami istilah yang dihuraikan.

JENIS DEFINISI

Terdapat beberapa jenis definisi dalam terminologi bahasa Melayu. Antaranya ialah definisi leksikal, definisi stipulatif, definisi ekstensional, definisi intensional, definisi ostensif dan sebagainya. Definisi leksikal dikenali juga

sebagai definisi perkamusan yang memberikan gambaran bagaimana kata atau istilah yang telah digunakan dalam komuniti bahasa. Tujuannya adalah untuk memberitahu seseorang tentang makna yang telah diterima agar definisi tersebut dapat digunakan dalam konteks penggunaan sebenar melalui binaan ayat.

Definisi Leksikal

Definisi leksikal merupakan definisi yang dijangkakan dan pada kebiasaannya dinyatakan secara mudah untuk memaklumkan maklumat kepada khalayak yang besar. Definisi leksikal bersifat deskriptif melaporkan penggunaan sebenar dalam kalangan penutur sesuatu bahasa, dan berubah dengan perubahan penggunaan kata atau istilah berbeza dengan preskriptif yang terikat dengan sesuatu versi yang “betul” walaupun berlaku perubahan makna dan terlalu samar untuk banyak tujuan. Apabila kesamaran berlaku dalam definisi leksikal, dan hal ini tidak dapat diterima umum, maka definisi kepersisan atau definisi stipulatif digunakan. Tujuan utama definisi leksikal adalah untuk memberitahu pengguna bahasa tentang makna yang diterima umum dalam sesebuah komuniti bahasa.

Contoh:

lob serve (Sinonim : underarm serve)⁹

servis petung

Servis yang dibuat secara petung menyebabkan lambungan bola yang tinggi.

batik stensil-lilin¹⁰

Kain batik yang warna corak di sebelah luarnya sama jelas dengan di sebelah dalamnya dengan menggunakan stensil-lilin.

Definisi stipulatif pula wujud apabila istilah baharu atau istilah yang sedia ada diberikan makna baharu untuk tujuan perbincangan dalam konteks tertentu. Dalam glosari terminologi, definisi yang diberikan bagi istilah teknikal memberikan maklumat tentang kata yang digunakan dalam disiplin

9 *Siri Glosari Sukan: Skuasy*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 24.

10 *Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Batik*, 1992. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 6.

tertentu. Oleh sebab istilah ini baharu, maka tidak ada ukuran piawai untuk membandingkan definisi konsep baharu dan definisi tersebut dianggap tepat. Terdapat juga keadaan apabila keluasan definisi leksikal tidak boleh diterima dan perlunya membentuk kaedah penggunaan yang belum pernah wujud, definisi stipulatif digunakan. Kedua-dua definisi leksikal dan definisi stipulatif digunakan juga untuk mengurangkan kesamaran dalam kata atau istilah. Kebersihan dalam definisi bermula dengan definisi leksikal dan diikuti dengan definisi stipulatif bergantung pada pembatasan yang digunakan. Dalam hal ini, bahagian leksikalnya mestilah tepat dan bahagian stipulatif akan membantu mengurangkan kesamaran.

Contoh:

kill¹¹

kena

Tembakan yang mengenai sasaran dalam acara menembak yang menggunakan senapang patah.

Menurut Hashim Musa (1994:70), pada dasarnya terdapat tiga situasi yang memerlukan kita membuat definisi secara stipulatif, iaitu pertama, apabila makna sesuatu kata itu agak kabur kerana sesuatu sebab, maka kita menentukan makna yang manakah yang ingin kita gunakan. Kaedah ini sebenarnya memberikan makna baharu bagi sesuatu konsep baharu. Kedua, apabila perkataan yang digunakan dalam definisi memang pada asasnya mempunyai banyak tafsiran dan fahaman, misalnya sesuatu yang abstrak (keadilan, kebenaran, keindahan dan lain-lain), maka kita perlu memberikan satu makna untuk menghasilkan definisi yang jelas. Ketiga, apabila kita menemui sesuatu konsep, makna, benda atau perkara yang baharu yang belum ada lagi perkataan untuk melambangkannya, ataupun kita ingin menggunakan perkataan yang sudah sedia ada tetapi ingin meluaskan maknanya untuk mencakupi konsep baharu tersebut. Dalam kerja terminologi, biasanya perkara ketiga tersebut merupakan asas kepada terminologi dan terminografi.

Definisi Ekstensional

Definisi ekstensional memberikan makna kepada istilah dengan memberikan contoh kepada perkara yang didefinisikan. Definisi ini memberikan makna

11 *Siri Glosari Sukan: Menembak*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 12.

sesuatu istilah dengan menyenaraikan semua perkara tentang ekstensi, yakni apa-apa sahaja yang boleh dimasukkan ke dalam definisi. Ekstensi istilah umum merupakan koleksi ciri kumpulan individu atau benda. Definisi berdasarkan ekstensi tidak mungkin tuntas kerana mungkin timbul pula spesies tambahan akibat berlakunya perkembangan atau penemuan baharu. Terdapat juga keadaan apabila definisi ekstensi lebih mudah difahami daripada takrif yang berdasarkan intensi. Misalnya definisi ekstensional tentang “bangsa” ialah semua bangsa di dunia ini. Begitu juga definisi ekstensional bagi “lautan” akan merujuk kepada semua lautan di dunia ini. Definisi ekstensional digunakan apabila kita menyenaraikan contoh yang memberitahu pembaca dengan pengetahuan yang mencukupi tentang keadaan semula jadi sesuatu itu.

Definisi Intensional

Definisi intensional memberikan makna istilah dengan memberikan semua ciri yang diperlukan dalam definisi, keperluan dan syarat-syarat yang dimiliki oleh set yang didefinisikan. Misalnya ekstensi bagi kata “kerusi” merangkumi setiap kerusi di dunia. Intensi ialah set ciri yang dikongsi bersama dengan apa sahaja berkaitan dengan kerusi. Oleh itu, intensi “kerusi” ialah sebuah peralatan yang direka untuk tempat duduk seseorang pada satu masa. Pada kebiasaannya, kita menggunakan intensi konsep atau istilah yang menentukan ekstensi, kemudian diputuskan, sama ada peralatan baharu yang tergolong dalam kerusi dengan memerhatikan ciri-ciri yang relevan. Istilah lain pula ialah definisi “bujang” sebagai “lelaki yang belum berkahwin”. Ciri belum berkahwin merupakan ciri yang penting untuk dirujuk sebagai “bujang”. Terdapat pula satu syarat bahawa seseorang itu tidak mungkin menjadi bujang tanpa menjadi orang yang belum berkahwin. Syarat selanjutnya, iaitu sesiapa sahaja lelaki yang belum berkahwin dikatakan “bujang”. Ini merupakan pendekatan yang berbeza dengan ekstensional yang mendefinisikan istilah dengan menyenaraikan semua perkara yang termasuk dalam definisi tersebut. Oleh itu, definisi ekstensional bagi “bujang” ialah senarai semua lelaki yang belum berkahwin di dunia ini. Justeru, semakin meningkat intensi satu istilah umum, dengan memperincikan fitur yang terdapat pada objek, semakin menurun pula ekstensinya oleh sebab kurang butiran yang dapat dikaitkan dengan aplikasi. Ciri-ciri intrinsik dan eksrintik yang dimasukkan ke dalam definisi di bawah merupakan perincian intensi dan ekstensi sesuatu konsep.

Contoh:

*clubs*¹²

belantan

Alat gimrama yang diperbuat daripada kayu atau bahan sintetik, dan terdiri daripada tiga bahagian, iaitu badan, leher, dan kepala. Berat minimumnya 50g dan boleh mempunyai pelbagai warna kecuali emas dan perak.

Definisi Denotatif

Definisi denotatif mengenal pasti ekstensi istilah yang diperkatakan. Definisi denotatif juga cuba mengenal pasti intensi sesuatu istilah dengan memberikan ekspresi linguistik yang sinonim atau prosedur operasional untuk menentukan penggunaan istilah. Hal ini sukar dilakukan kerana sulit untuk mendapatkan kata atau frasa yang mempunyai makna yang sama atau menentukan ujian yang konkrit untuk penggunaan tetapi sekiranya berjaya, definisi konotatif memberikan makna yang secukupnya untuk mengekalkan makna istilah. Ahli falsafah logik membentuk kaedah efektif membina definisi konotatif untuk istilah umum dengan mengatakan genus dan perbezaan. Tanggapan ini mudah sahaja, iaitu bermula dengan mengenal pasti bentuk yang biasa, kategori yang luas atau jenis (genus) yang dimiliki oleh setiap istilah, dan kemudian menentukan fitur distintif (perbezaan) yang memisahkan fitur yang berbeza. Misalnya istilah kerusi dikenal pasti sebagai perabot sebagai genus yang mengelompokkan semua kerusi di bawah satu genus dan dikhususkan sebagai reka bentuk untuk diduduki oleh seseorang pada satu masa yang membezakannya dengan meja, sofa, dan sebagainya.

Copi dan Cohen (1990) memberikan lima peraturan yang perlu diteliti dalam menentukan definisi konotatif dengan menggunakan genus dan perbezaan, iaitu:

1. Fokus/tumpu pada fitur yang diperlukan sahaja – definisi yang baik akan menjelaskan fitur yang penting dalam designasi perkara atau objek.
2. Elakkan sirkulariti/lingkaran – makna sirkular menggunakan istilah

12 *Siri Glosari Sukan : Menembak*, 1998 Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 13

yang didefinisikan sebagai bahagian definisi itu sendiri. Hal ini tidak dapat memberikan maklumat yang berguna sama ada kepada khalayak yang telah memahami istilah tersebut atau yang tidak memahami huraian yang memasukkan istilah tersebut. Misalnya, memberikan makna bagi “*cordless phone*” sebagai “*a telephone that has no cord*”.

3. Pastikan ekstensi yang tepat – definisi yang baik akan menggunakan perkara yang sama dalam menghuraikan istilah.
4. Elakkan bahasa figuratif – oleh sebab definisi adalah untuk menerangkan makna istilah kepada seseorang yang tidak biasa dengan penggunaan yang tepat, penggunaan bahasa figuratif tidak membantu pengguna.
5. Bersikap afirmatif, bukan negatif – definisi yang baik menggunakan designasi positif apabila perlu. Lebih mudah untuk menjelaskan penggunaan istilah dengan mengenal pasti penggunaannya dan juga penggunaan yang tidak sesuai.

Definisi Ostensif

Definisi ostensif memberikan makna istilah dengan memberikan contoh perkara yang didefinisikan. Definisi jenis ini digunakan apabila sesuatu istilah itu sukar didefinisikan secara verbal, sama ada kemungkinan kata itu tidak akan difahami oleh pengguna bahasa atau sifat semula jadi istilah itu sendiri. Misalnya apabila mendefinisikan warna merah kepada kanak-kanak, kita akan hanya menunjukkan benda-benda yang berwarna merah seperti bunga mawar atau tanda berhenti pada lampu trafik. Definisi ini mengandaikan pembaca sudah mempunyai maklumat dan dapat mengenal pasti jenis maklumat yang diberikan.

Definisi Teoretikal

Definisi teoretikal merupakan kes khas yang dapat dikenal pasti melalui penggunaannya dalam konteks yang lebih luas kerangka intelektual dan lebih banyak digunakan dalam konteks saintifik. Definisi ini memberikan makna kepada kata atau istilah dalam teori disiplin yang spesifik. Definisi tentang konfigurasi atom merupakan definisi teoretikal dan begitu juga dengan definisi tentang warna dengan pembiasan warna berdasarkan jarak gelombang tertentu. Dalam kes ini, satu definisi tentang warna tidak mungkin akan bertentangan dengan teori lain. Walau bagaimanapun, dalam bidang

seperti falsafah dan sains sosial, definisi teoretikal bagi sesuatu istilah berkemungkinan kontradik antara satu sama lain bergantung teori siapa yang digunakan sebagai asas. Perubahan dalam definisi teoretikal akan meninggalkan kesan yang besar kepada komuniti misalnya istilah 'berat badan lebih' berdasarkan ukuran tertentu, iaitu daripada jumlah 60 kg kepada 55 kg akan menyebabkan beberapa juta orang terkelompok dalam kategori tersebut walaupun mereka sebenarnya tidak mengalami kenaikan berat badan.

Definisi Keipersisan

Definisi keipersisan merupakan definisi yang memperluaskan definisi leksikal bagi kata atau istilah untuk tujuan spesifik termasuklah kriteria tambahan yang menyempitkan ciri-ciri yang memenuhi keperluan definisi. Definisi keipersisan digunakan untuk memperhalus makna sesuatu istilah atau kata apabila maknanya agak samar dalam konteks dan memerlukan pembaikan. Tidak semua definisi dapat meliputi semua keadaan sesuatu istilah. Misalnya sebuah kamus mendefinisikan istilah "pelajar" sebagai pertama, sesiapa sahaja yang mengalami pendidikan secara institusi formal atau kedua, sesiapa yang sahaja yang mempelajari sesuatu. Namun demikian, pengusaha pawagam mungkin mencadangkan satu definisi keipersisan bagi istilah "pelajar" sebagai "sesiapa sahaja di bawah umur 18 tahun yang belajar di sesebuah institusi" bagi memastikan kelayakan untuk mendapat tiket yang diberikan diskaun. Definisi ini umumnya digunakan dalam konteks kesamaran yang kadangkala tidak diterima pakai. Banyak definisi perundangan merupakan definisi keipersisan yang bertujuan untuk menghalang berlakunya pertelingkahan yang melibatkan beberapa pihak menggunakan definisi istilah tertentu dalam kes tertentu.

Definisi Pemujukan

Definisi pemujukan digunakan untuk memindahkan kesan emotif pada kata tersebut. Definisi jenis ini mendefinisikan istilah dengan cara hujahan bagi sesuatu kedudukan (berlawanan dengan definisi leksikal yang bertujuan untuk meneutralkan penggunaan istilah) dan agak mengelirukan kerana definisi ini secara permukaannya kelihatan seperti definisi kamus. Apabila sesuatu definisi dikenal pasti sebagai memujuk, definisi ini tidak diterima secara sah dari segi undang-undang kerana terlalu banyak falasi. Definisi pemujukan ini dikemukakan bukan untuk tujuan mengesahkan sesuatu dari segi undang-undang tetapi sebagai cara untuk meluahkan pandangan.

Ambrose Bierce dalam kamus “*The Devil’s Dictionary*”¹³ mendefinisikan istilah “heathen” sebagai “makhluk yang memuja sesuatu yang dapat dirasai dan disentuh”. Definisi leksikal kebiasaannya akan dituruti pula oleh “seseorang yang tidak mempercayai agama Kristian” atau “seseorang yang tidak mengikut sesuatu agama”. Definisi Bierce merupakan usaha untuk mengatakan bahawa adalah kurang bijak untuk mempercayai sesuatu yang tidak dapat dirasai atau disentuh. Definisi ini tidak dapat diterima dalam hujahan teologi kerana sikap berat sebelahnya. Definisi pemujukan muncul dalam tajuk kontroversial seperti politik, seks, agama atau dalam perbincangan penuh emosi dan ada usaha pihak tertentu untuk memujuk pihak lawan. Definisi pemujukan ini tidak sesuai untuk penerbitan istilah teknikal kerana istilah teknikal lebih mementingkan makna kata.

Kekaburan Definisi

Kekaburan definisi timbul apabila pendefinisian tidak jelas ataupun terdapat percanggahan dengan konsep istilah yang didukung. Menurut Hashim Musa (1994), kekaburan timbul apabila adanya gejala persambungan sifat dalam kewujudan atau *continuum of characters*. Kita tidak dapat mendefinisikan sesuatu dengan jelas sekiranya kita tidak dapat memahami sistem konsep yang terdapat dalam lingkungan bidang tertentu. Satu istilah melambangkan sesuatu konsep diwakili oleh objek dalam lingkungan tertentu tetapi kemungkinan pertindanan konsep berlaku dengan bidang yang lain. Apabila konsepnya sama, maka definisinya juga harus sama. Hal ini berlaku bagi istilah bahasa Melayu dalam bidang sains. Tahap kekaburan perlu dijelaskan supaya kekaburan itu tidak wujud dan definisi istilah dapat dilakukan dengan lancar.

Faktor seterusnya ialah definisi bergantung pada kata yang dipilih. Sekiranya kita memilih kata-kata yang tidak jelas atau tepat, maka definisi yang dihasilkan juga tidak tepat bagi istilah yang dibicarakan. Oleh itu, banyak soalan yang perlu ditanya bagi orang yang menyediakan definisi agar kekaburan dapat dielakkan. Hal ini akan membawa kepada persoalan peranan ciri-ciri sama ada intensi atau ekstensi dalam menghuraikan sesuatu istilah. Pemilihan perkataan yang sesuai dapat menjelaskan ciri-ciri semula jadi, rupa, bentuk, warna, rasa, asal usul, kegunaan, dan sebagainya bagi menghilangkan sebarang kekaburan. Definisi akan mudah difahami sendainya persoalan ini dijawab terlebih dahulu sebelum definisi dihasilkan.

13 <http://www.philosophypages.com/lg/e05.htm>.

Penyempitan dan perluasan definisi juga akan menimbulkan kekaburan. Sekiranya kita definisikan *bachelor* sebagai *unmarried male* dalam bahasa Inggeris. Sepintas lalu, nampaknya tidak menjadi masalah tetapi andainya dilihat dari segi pandangan yang berbeza pula istilah ini boleh diaplikasikan kepada banyak perkara, misalnya anjing jantan, kanak-kanak lelaki yang jelasnya bukanlah *unmarried male*. Perkataan *male* itu merupakan istilah yang memberikan satu perluasan terhadap konsep yang didukungnya. Definisi dikatakan terlalu luas apabila diaplikasikan kepada perkara-perkara yang bukan sebahagian daripada ekstensinya. Untuk membetulkan falasi ini, kita perlu menyempitkan definisi tersebut. Dalam hal ini *bachelor* boleh sahaja didefinisikan kepada *unmarried man*.

Penyempitan juga perlu dilakukan dengan hati-hati agar kekaburan dapat dielakkan. Misalnya “perabot” bermakna “objek yang digunakan untuk duduk”. Sekali pandang kita dapat merasakan bahawa terdapat perabot yang digunakan untuk pelbagai tujuan seperti meletakkan kaki, menyimpan barang, dan sebagainya. Kita memerlukan definisi yang agak luas agar kekaburan dapat dihindarkan. Hal ini bermakna definisi mengaplikasikan ekstensi yang lebih luas. Perkataan objek yang digunakan untuk duduk boleh diluaskan kepada penggunaan umum perabot. Unsur-unsur ini perlu diperhatikan dalam penyediaan definisi agar kekaburan seperti di atas dapat dihindarkan.


TEORI DEFINISI DAN SISTEM KONSEP DALAM TERMINOLOGI BAHASA MELAYU

Satu kata atau konsep menunjukkan satu spesies, iaitu satu jenis spesifik butiran, tidak semestinya mempunyai hubungan biologi diuraikan sebagai kategori luas, manakala genus dikenal pasti daripada butiran lain dalam kategori dengan menganalisis perbezaannya. Definisi yang menggunakan genus dan perbezaan spesifik merupakan kaedah untuk menguraikan kategori yang luas, milik sesuatu kata atau istilah dan kemudiannya mengenal pasti ciri yang spesifik, yakni intensional. Dengan kata lain, genus merupakan kategori yang luas manakala spesies ialah jenis dalam kategori dan perbezaannya menentukan ciri-ciri spesies. Ini merupakan definisi intensional. Konsep ini dikatakan menggunakan sistem konsep generik.


Dalam konteks terminologi, ciri merupakan aspek penting dalam penyediaan definisi apabila menggunakan sistem konsep generik. Unsur ini terbahagi kepada dua, iaitu ciri intrinsik dan ciri ekstrinsik. Ciri intrinsik berhubung dengan bentuk, saiz, kandungan, warna, dan sebagainya. Ciri-ciri ini merupakan ciri yang dimiliki oleh objek tanpa mengira hubungan-

nya dengan objek lain, misalnya, bulat (bentuk), getah (bahan), merah (warna). Apabila melihat sesuatu objek tanpa mengetahui nama objek tersebut, maka kita akan melihat ciri-ciri yang ada pada objek tersebut lalu membentuk satu konsep tentang objek berdasarkan ciri-ciri itu. Kelompok ciri-ciri dikatakan intensi, misalnya alat melagang, bentuk bulat dan leper, berkaki satu, dan dibuat daripada batu. Ciri-ciri yang dinyatakan tadi merupakan kelompok ciri yang digelar intensi. Berdasarkan ciri-ciri inilah kita akan menghuraikan konsep dalam bentuk definisi. Dalam Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah, konsep automobil menggunakan ciri-ciri automatik, manual, dan pacuan empat roda sebagai pembeza antara tiga istilah yang berada di bawah satu konsep generik automobil manakala teknik pukul membezakan antara satu konsep dengan yang lain.

Seterusnya, konsep juga mempunyai hubungan dengan definisi partitif



Rajah 1 Sistem konsep generik (automobil).




Rajah 2 Sistem konsep generik (pukul).

yang menghuraikan keseluruhan unit berdasarkan bahagian-bahagian tertentu atau menghuraikan satu bahagian dalam hubungannya dengan keseluruhan bahagian. Definisi partitif ini kebiasaannya bermula dengan perumusan yang jelas mengatakan hubungan partitif tersebut; bahagian daripada, komponen sesuatu bahagian, seksyen tertentu, tempoh, dan sebagainya diikuti oleh konsep subordinat. Dalam membicarakan intensi *lwn* ekstensi, akan timbul kesimpulan yang berikut:

1. Lebih banyak intensi, lebih kecil ekstensi.
2. Setiap ciri tambahan (yang meningkatkan intensi) menyempitkan jumlah objek yang dimasukkan dalam ekstensi (keadaan individu yang mempunyai ciri yang sama).

Dalam definisi partitif, perkara yang paling penting ialah sesuatu ciri itu merupakan sebahagian daripada keseluruhan. Dalam Rajah 3 di bawah, kita dapati bahawa *A* ialah konsep superordinat yang memiliki *B* manakala *B* merupakan konsep subordinat yang merupakan sebahagian daripada *A*.

1. *A* (konsep superordinat konsep) memiliki *B*
2. *B* (konsep subordinat) sebahagian daripada *A*
 - *Alat yang dilengkapi tayar, rim, jejari, dan hab.*
 - *Rim – bingkai aloi atau logam lain, tempat memasang tayar basikal.*
3. Juga dinamakan sistem konsep bahagian-seluruh atau sistem konsep meronimik



Rajah 3 Sistem konsep partitif (basikal).

Pendefinisian berdasarkan konsep partitif ini jelas kelihatan dalam huraian yang menjelaskan bahagian dan keseluruhan. Ahli falsafah telah lama menggunakan konsep intensi dan ekstensi sepenuhnya dalam hujahan mereka. Istilah ekstensi itu sendiri dapat difahami sebagai sesuatu yang tanpa kelas bagi semua perkara yang menghuraikan sesuatu istilah. Istilah

kuda mempunyai ekstensi terhadap semua perkara tentang kuda, kini, lampau atau masa akan datang. Intensi lebih merujuk kepada pendefinisian ciri-ciri dan sifat pada sesuatu konsep.


Satu lagi hubungan teori konsep yang berkait rapat dengan penyediaan definisi ialah hubungan asosiatif (Rajah 4), iaitu hubungan yang memperlihatkan kewujudan kedua-dua hubungan di atas. Hubungan asosiatif wujud apabila hubungan generik-spesies bergabung dengan hubungan partitif dalam satu peta konsep. Berdasarkan peta konsep di bawah, didapati bahawa seni batik berfungsi sebagai genus (superordinat) yang dinamakan intensi, merupakan kelompok siri utama genus. Hasil merupakan semua konsep ciri bawahan, iaitu spesies. Ciri bagi setiap istilah mempunyai perbezaan antara satu dengan lain dan ini menyebabkan definisi juga berbeza. Misalnya istilah batik blok lilin/batik pukul lilin didefinisikan sebagai "*Batik terutama batik sarung yang dihasilkan dengan menggunakan blok lilin. Batik pukul lilin.*" Manakala istilah batik tulis didefinisikan sebagai "*Batik atau kain batik yang bercorak bebas yang dihasilkan dengan mencanting dan menconteng. Batik canting.*" Ciri intrinsik yang membezakan kedua-duanya ialah jenis batik itu, yakni yang satu batik sarung manakala yang satu lagi ialah kain batik umumnya. Kedua, yang satu dihasilkan menggunakan canting manakala satu lagi dihasilkan menggunakan blok lilin. Hubungan ini membentuk satu definisi yang tuntas kerana ciri-cirinya dinyatakan dalam definisi yang dihasilkan.

Hubungan partitif dalam peta konsep tersebut pula ialah hubungan bahagian dan keseluruhan bagi batik sarung. Pemetaan istilah berdasarkan peta konsep membantu penyediaan definisi yang jelas dan tepat. Kedudukan *batik sarung*¹⁴ dalam peta konsep sebagai keseluruhan daripada bahagian-bahagian kepala/pantat kain, tanah kain/tubuh kain/natar, tepi gigi, gunung/tepi, dan kapit/kepala kain. Sekiranya diperhatikan definisi yang diberikan di bawah, setiap definisi akan menetapkan kedudukan istilah tersebut dengan jelas dalam peta konsep di samping mengekalkan ciri-ciri intrinsik dan ekstrinsik dalam definisi.


kepala

Bahagian kain, khususnya kain batik sarung, yang coraknya berlainan daripada bahagian terbesar klain, biasanya bermotif pucuk rebung atau

14 *Siri Glosari Istilah Budaya Malaysia: Seni Batik*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 5.



Rajah 4 Peta konsep hubungan asosiatif (seni batik).



Rajah 5 Sistem konsep tidak lengkap.

pokok bunga menegak dan diletakkan di bahagian belakang apabila dipakai. pantat kain.

tanah kain

Bahagian dasar kain. **tubuh kain, natar.**

kapit

Bahagian kain batik sarung yang bermotif kecil menegak yang terdapat di kedua-dua sisi kiri (kapit kiri) dan kanan (kapit kanan) kepala kain.

tepi gigi

Bahagian birai atas dan bawah kain, yang mempunyai motif kecil yang diperolehi dengan memukul sarang tepi.

gunung

Bahagian atas dan bawah yang bermotif kecil sebelum tepi gigi kain. tepi.

Berdasarkan definisi di atas, pendefinisian dilakukan dengan beberapa kaedah termasuklah penggunaan huraian dan sinonim, leksikal, dan stipulatif dengan memberikan perluasan makna bagi istilah tertentu. Jelasnya dalam kerja terminologi, teori definisi dan teori konsep telah dapat membantu penyedia kamus terminologi merangka definisi khusus untuk bidang tertentu. Hubungan yang terdapat dalam teori konsep yang secara umumnya dibahagikan kepada tiga, iaitu hubungan genus-spesies, hubungan partitif, dan hubungan asosiatif sebagai asas dalam teori konsep dapat dihubungkan dengan teori definisi yang menekankan ciri-ciri intrinsik dan ekstrinsik. Kerja leksikografi memberikan keutamaan kepada makna bagi kata manakala terminologi pula menekankan konsep bagi istilah. Walau bagaimanapun, kedua-dua bidang ini mempunyai titik persamaan dalam penyediaan definisi kerana kedua-dua terlibat dengan kata.

Dalam sistem konsep yang tidak lengkap, makna juga hilang, struktur subordinat tidak jelas dan banyak unsur yang tidak berkaitan harus dibuang. Apabila keadaan ini berlaku, maka ahli terminologi akan menghadapi masalah dalam penyediaan definisi yang tepat bagi sesuatu istilah yang dibentuk. Kesukaran ini akan menjadi hambatan dalam menghasilkan sebuah glosari terminologi yang baik.

KESIMPULAN

Jelasnya definisi memberikan makna kepada kata atau istilah. Hal ini memerlukan penelitian terhadap konsep ekstensi, intensi, ketaksaan, dan kesamaran. Terdapat banyak cara yang boleh menyebabkan makna kata menjadi kurang jelas. Kadangkala sesuatu kata itu memberikan makna yang berlainan bagi individu yang berlainan. Kaedah yang dapat membantu kita mengatasi masalah ini adalah dengan memahami teori definisi yang mendasari kerja pendefinisian bagi sesuatu kata atau istilah. Proses menghasilkan definisi memerlukan keprihatinan dan kecekapan dalam menganalisis konsep dalam pemetaan konsep yang dilakukan. Banyak

teknik yang boleh digunakan untuk membuat definisi dalam glosari peristilahan. Kemahiran ini memerlukan kemahiran individu yang dipupuk dalam tempoh masa yang agak lama. Definisi merupakan komponen yang penting dalam penyediaan glosari terminologi dan kefahaman pembentukan definisi perlulah dipupuk melalui latihan yang menggabungkan unsur leksikografi dan terminologi bagi menghasilkan sebuah glosari yang bermutu tinggi dan berautoritatif.

RUJUKAN

- Alain Rey, 1995. *Essay On Terminology*. Philadelphia: John Benjamins Pub. Co.
- Copi, Irving, dan Carl Cohen, 1990. *Introduction to Logic*. 8th.ed. Macmillan, New York.
- Hashim Musa, 1994. *Pengantar Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juan C. Sager, 2000. *Essays On Definition*. Philadelphia: John Benjamins Pub. Co.
- Sager J.C., 1995. *Kursus Amali Pemprosesan Istilah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John F. Sowa, 2001. *Semantics Foundation of Contexts*.
- Siri Glosari Sukan: Skuasy*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siri Glosari Sukan: Menembak*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siri Glosari Sukan: Lumba Basikal*, 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siri Glosari Budaya Malayasia: Seni Batik*, 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siri Glosari Budaya Malaysia: Seni Tenun*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://www.termium.gc.ca/didacticiel_tutorial/english/lesson1/index_e.html
- <http://www.ciil-ebooks.net/html/lexico/index.htm> An Introduction to Lexicography B.G.Mishra 1982.
- <http://www.sfu.ca/philosophy/swartz/definitn.htm>.
- <http://www.philosophypages.com/lg/e05.htm>.